

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## **BANK ISLAM TAWAR PERKHIDMATAN e-MANDATE MELALUI EJEN DIRECT DEBIT, INFAQPAY**

**KUALA LUMPUR, Ahad, [18 Julai 2021]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") melalui ejen *direct debit* yang dilantiknya, InfaqPay, kini menawarkan perkhidmatan e-Mandate, sebuah platform pungutan pembayaran berulang (*collecting recurring payment*).

Penyelesaian baharu ini bakal memudahkan pelanggan yang berdaftar sebagai saudagar (*merchants*) dengan InfaqPay untuk menguruskan proses pungutan pembayaran berulang seperti bil utiliti, premium insurans, keahlian persatuan dan zakat serta derma secara terus daripada akaun mengikut jadual yang ditetapkan.



Kemudahan baharu ini tersedia untuk pelbagai segmen iaitu meliputi badan-badan bukan kerajaan ("NGO"), persatuan dan kelab, agensi-agensi kerajaan, perusahaan kecil dan sederhana, masjid serta sekolah.

Sebelum ini, pemindahan dana secara berkala atau *Standing Instruction* memerlukan pelanggan melengkap dan menyerahkan borang secara fizikal ke cawangan Bank Islam terdekat untuk pengesahan terlebih dahulu. Melalui e-Mandate, pengurusan pembayaran secara berulang dikendalikan oleh saudagar terlibat secara terus, menjadikan kaedah ini satu pilihan yang lebih mudah, selamat, mesra pengguna serta menjimatkan masa dan tenaga.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed, berkata "Menerusi e-Mandate, pelanggan berdaftar dapat memanfaatkan kemudahan berteknologi dan menikmati gerbang pembayaran berulang secara automatik pada kos yang rendah. Mereka juga dapat memantau aliran masuk tunai melalui laporan caruman secara masa nyata (*real time*). Saudagar, khususnya badan-badan amal, NGO dan pusat-

pusat keagamaan seperti masjid, juga dapat mempelbagai dan memperluaskan saluran pungutan sumbangan daripada masyarakat umum. Ini seterusnya dapat mempertingkatkan nilai sumbangan awam bagi membolehkan mereka terlibat dalam mempergiatkan inisiatif-inisiatif yang membawa kebaikan kepada golongan sasaran. Usaha ini sememangnya sejajar dengan misi Bank Islam untuk menyediakan penyelesaian yang menghasilkan nilai.”

“Daripada perspektif pelanggan atau penderma pula, urusan pemindahan dana secara automatik (*auto-deduction payment*) bagi sumbangan, yuran dan lain-lain bayaran dapat dilakukan dengan lebih mudah dan segera kerana semuanya disempurnakan secara dalam talian dengan hanya satu langkah. Bagi memastikan ketelusan dalam transaksi, pelanggan akan dimaklumkan menerusi emel mengenai butiran potongan bulanan yang telah disempurnakan,” tambah beliau.

Mohd Muazzam juga berkata, “Bank Islam amat komited dengan hasrat negara untuk membentuk masyarakat tanpa tunai. Sehubungan itu, kami amat terbuka untuk berkolaborasi dengan rakan-rakan berpotensi bagi membina ekosistem penyelesaian kewangan yang holistik untuk pelanggan kami. Memahami kekangan yang wujud akibat penularan wabak COVID-19, kami sentiasa berinovasi agar pelanggan dapat menikmati produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan semasa yang selamat, mesra pengguna dan cekap. Kami mengalu-alukan penglibatan lebih ramai saudagar untuk menikmati kemudahan e-Mandate ini pada masa akan datang.”

Sejak diperkenalkan di pasaran pada 27 April 2021, InfaqPay kini mempunyai 20 saudagar yang berdaftar dengan lebih 3,000 transaksi berjumlah RM70,000 telah disempurnakan setakat ini. Bank Islam menyasarkan untuk mengumpul 40 saudagar baharu dan mencapai 30,000 transaksi menjelang akhir 2021 menerusi usaha-usaha agresif dalam mempromosikan e-Mandate di pasaran.

Sehubungan itu, bagi memperluaskan lagi perkhidmatan e-Mandate kepada semua segmen, Bank Islam bersedia untuk bekerjasama dengan lebih ramai ejen direct debit di seluruh negara.

Pengasas InfaqPay, Ahmad Rashdan Ikhsan, berkata, “Saya berhadapan dengan pelbagai situasi sewaktu menguruskan borang *direct debit* pencarum daripada sebuah

institusi. Pengalaman selama lima tahun ini telah menginspirasi saya untuk menghasilkan sistem caruman secara dalam talian bagi memudahkan institusi dan pencarum. Setelah hampir 6 bulan perbincangan untuk memantapkan perkhidmatan *direct debit*, akhirnya pihak Bank Islam telah memberi ruang kepada saya untuk berinovasi dan memanfaatkan sistem e-Mandate yang sedia ada. Sekalung penghargaan kepada Bank Islam di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya sehingga berjaya mencipta satu platform untuk memudahkan caruman secara konsisten."

Pihak yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perkhidmatan e-Mandate atau ingin mendaftar sebagai saudagar, boleh hubungi Jabatan Deposit dan Tunai Bank Islam di 03 2690 0900 / 016 9000 755 atau emel ke [salam@infaqpay.my](mailto:salam@infaqpay.my)

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

#### **Mengenai InfaqPay**

InfaqPay adalah entiti perniagaan berdaftar dan ejen Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam), yang menyediakan perkhidmatan platform pembayaran berulang untuk perniagaan pada kadar yang menjimatkan. Misinya adalah untuk menjadi rakan strategik dalam menyediakan pengurusan kewangan yang sistematik dan cekap. Ia juga mempunyai visi untuk menjadi platform pemotongan dana secara automatik pilihan Malaysia. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai InfaqPay, sila layari [www.infaqpay.my](http://www.infaqpay.my).

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	<b>Omar Atin</b> Pengurus Kanan Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>
---	---